

18/07/1999

Kepemimpinan negara tidak mudah hilang semangat

Tajuddin Saman

DALAM kehidupan, kita perlu ada semangat. Dengan semangat, hidup dibangunkan. Tanpa semangat, orang mudah putus asa, apa lagi apabila berdepan dengan cabaran menyulitkan.

Ketika ekonomi gawat tempoh hari, ramai hilang semangat. Ada penduduk sesetengah negara bukan saja hilang semangat tetapi bertindak menamatkan riwayat sendiri kerana tidak sanggup berdepan dengan krisis itu. Malah, ramai yang hilang semangat itu terperangkap dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Kita bernasib baik kerana kepemimpinan negara tidak mudah hilang semangat. Sebaliknya pemimpin kita mencari jalan penyelesaian terbaik ke arah pemulihan ekonomi.

Kini ekonomi semakin pulih tetapi suara sumbang menidakkannya berterusan. Namun, kita bersyukur kerana pemimpin kita tidak patah semangat mendengar suara sumbang itu. Apa yang penting, semangat berusaha diteruskan. Biarkan yang sumbang dengan kesumbangannya kerana agenda yang tersendiri.

Tokoh perniagaan veteran, H M Shah, 78, ketika diwawancara wartawan mengenai dirinya, berkata: "Dalam keadaan sekarang, hanya semangat menjadi bekalan saya untuk terus mempertahankan perniagaan ini. Kalau ada duit atau modal saja masih tidak cukup untuk menjalankan perniagaan kalau kita tidak ada semangat."

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berucap kepada ribuan hadirin di Majlis Perhimpunan Bersama Rakyat di Sekolah Kebangsaan Guar Perahu, Bukit Mertajam, minggu lalu berkata: "Sokongan rakyat terhadap setiap tindakan kerajaan memberikan saya satu semangat baru untuk terus membangunkan negara ini."

Dr Mahathir mengakui kadang-kadang beliau merasa takut sekiranya keputusan yang diambilnya tidak dapat diterima rakyat. Ini kerana dalam perkara tertentu, kadang-kadang beliau tidak boleh meminta nasihat dan terpaksa membuat keputusan seorang diri menyebabkan beliau merasa amat sunyi dan keseorangan.

"Oleh itu saya merasa amat terpencil serta kadang-kadang takut kalau-kalau keputusan yang dibuat itu tidak boleh diterima rakyat. Bagaimanapun, Alhamdulillah, selepas membuat keputusan tertentu, rakyat terus memberi sokongan kepada saya dan kerajaan pimpinan saya. Ini memberikan satu semangat baru untuk saya terus berusaha menjayakan negara," katanya.

Sama ada pemimpin atau rakyat, semuanya memerlukan semangat untuk berjuang dalam kehidupan. Tanpa semangat, sukar bagi siapa pun meneruskan kehidupan penuh cabaran ini.

Ketika berjinak dengan dunia kewartawanan pada 60-an, bekalan saya cuma minat dan semangat. Ketika itu saya amat miskin dengan sijil, apa lagi diploma atau ijazah. Pada 60-an, pusat pengajian tinggi yang ada cuma Universiti Malaya. Keterbatasan ruang dan kedudukan saya di ceruk kampung, menyulitkan harapan untuk sampai ke pusat penerbitan akhbar.

Apakah yang memungkinkan saya merangkak ke penghujung cita-cita menjadi wartawan? Jawapannya cuma terletak pada minat dan semangat. Tanpa minat dan semangat, hari ini saya mungkin mewarisi kerjaya nenek moyang di bendang.

Justeru, semangat untuk berjuang dalam kehidupan dirasakan amat penting. Hampir semua orang dulu berjuang dengan semangat.

Mereka tiada wang ringgit untuk menjayakan cita-cita tetapi modal hakiki

yang dikurniakan Allah hanyalah semangat. Dengan semangat mereka berjuang mengusir penjajah. Kemudian dengan semangat mereka bangunkan negara.

Daripada Dato Onn Jaafar sampai ke zaman Dr Mahathir, semangat perjuangan bangsa tidak pernah luntur. Jika dulu Dato Onn meluahkan ucapan berapi-api membangkitkan semangat Melayu menentang penjajah, kini Dr Mahathir menyambung api perjuangan itu dengan semangat baru mengangkat martabat bangsa meniti alaf baru.

Semangat berkait rapat dengan fungsi dalaman diri insan. Kamus Dewan menyebut semangat sebagai roh dalam diri makhluk (dipercayai mempunyai kuasa tertentu). Contoh ayatnya: Tepuk bantal panggil semangat; Semangat datang dalam mimpi; Semangat padi. Semangat yang menyebabkan padi tumbuh dan berbuah dengan bertas.

Semangat ada kaitan dengan perasaan hati dan jiwa. Maksud atau tujuan yang terkandung dalam sesuatu perjanjian - semangat perjanjian Asean misalnya. Kemahuan untuk melakukan sesuatu - semangat bekerja - semangat waja yang bererti kemahuan yang keras.

Jelas sekali, semangat adalah mandala kehidupan yang berpengaruh. Dengan semangat, manusia mampu mengubah kemunduran hidup kepada kemajuan. Bahkan dengan semangat, Rasulullah membuka lembaran Hijrah dalam tamadun Islam dan menyebarkan risalah-Nya ke seluruh alam. Dan semangat perjuangan Rasulullah itu terus menghancurkan pelbagai kekufuran yang menyesatkan manusia.

Di persada bangsa, dengan semangat, orang Melayu menumbangkan Malayan Union. Inggeris bagaikan tidak percaya, Melayu yang sebelum itu dikatakan tidak tahu membuat walaupun sebatang jarum, tiba-tiba bangun menentanginya dengan berani.

Apakah rahsia keberanian Melayu itu? Ia tidak lain daripada kuasa semangat yang wujud dalam diri mereka untuk menuntut kemerdekaan bangsa. Tidak dinafikan semangat perjuangan itu juga terhasil daripada ilmu pengetahuan yang menimbulkan kesedaran ke arah mewujudkan hijrah seperti diajarkan Rasulullah.

Pada 29 April 1979 tulisan saya berjudul "Benarkah Kejayaan bertambah?" tersiar di akhbar ini. Tulisan itu menimbulkan persoalan pendidikan dan semangat pelajar Melayu.

Antara lain saya menulis: "...punca kejayaan cemerlang pelajar lain mungkin kerana mereka penuh semangat dan menganggap pelajaran sebagai jalan hidup yang tidak ada lagi pilihannya. Mereka bersemangat kalau mahu tegak maju, hanya pelajaran sajalah jalan pilihan paling selamat.

Tetapi bagaimana dengan pelajar Melayu? Kegagalan mereka sebahagian besar mungkin kerana tidak wujudnya semangat sedemikian di jiwa masing-masing. Kerana itu, adalah penting bagi Kementerian Pelajaran dan guru di seluruh negara memulakan satu langkah menanam gagasan perjuangan dalam diri setiap pelajar Melayu.

Gagasan ini perlu menyentuh soal menanam semangat berjuang dalam diri pelajar Melayu untuk menjadikan pelajaran sebagai jalan hidup paling selamat pada masa akan datang. Kalau dulu orang tua kita terpaksa berjuang bermati-matian menumbangkan Malayan Union maka sekarang pelajar kita perlu pula berjuang bermati-matian menegakkan kelulusan tinggi dalam pelajaran.

Semangat juga mesti kita tanamkan bahawa pelajar Melayu mestilah insaf perjuangan mereka di bidang pelajaran sekarang adalah kemerdekaan bangsa pada masa depan. Rasanya tanggungjawab ini tentu tidak seberat perjuangan orang terdahulu yang terpaksa keluar masuk penjara demi kemerdekaan negara.

Mungkin dalam beberapa hal tertentu ada mereka yang hidup menderita dan terlampau lelah untuk belajar kerana beberapa sebab kepincangan keluarga misalnya. Tetapi apa pun berlaku, semangat berkorban pelajar Melayu sekarang perlu mengatasi segalanya demi menebus kegagalan masa lalu.

Selain itu, semangat kesedaran ini juga mestilah disemai pada setiap waktu oleh ibu bapa kepada anak masing-masing.

Jika perlu, pihak berkuasa boleh mengadakan 'HARI SEMANGAT' untuk pelajar Melayu pada masa akan datang. Hari Semangat yang dimaksudkan ini ialah mengadakan hari yang khusus bagi membangkitkan kesedaran dan keinsafan pelajar Melayu supaya lebih tekun merebut pelajaran.

Kementerian Pelajaran misalnya boleh menyediakan bentuk ceramah dan seumpamanya yang boleh memenuhi tujuan itu.

Seelok-eloknya Hari Semangat ini dilancarkan serentak di seluruh negara. Kata-kata yang sering dilaungkan oleh Allahyarham Aminuddin Baki: "Itik di air mati kehausan, ayam di kepuk mati kelaparan" misalnya boleh dijadikan cogan kata Hari Semangat itu.

(END)